

**BH**  
Berita Harian

[bh2@bh.com.my](mailto:bh2@bh.com.my)

# TENDANGAN ATHENA

» *Nurul Ain wanita pertama Malaysia  
sertai pertandingan sukan campuran seni  
mempertahankan diri One FC* **FAMILI** 6/7



# Wanita perkasa

» Ann gadis peninju pertama negara sertai pertandingan MMA Asia

Oleh Mohd Nazllie Zainul  
bhnita@bh.com.my

**K**ali pertama melihat personaliti wanita muda ini, penampilannya sama seperti wanita berkerjaya lain. Berpakaian kasual pejabat dan berkaca mata hitam, Nurul Ain Osman, 28, nampak ayu, terpancar aura menarik mengenainya dan tutur katanya lemah lembut. Sekali pandang, pasti ramai tidak menyangka beliau adalah jaguh sukan campuran seni mempertahankan diri atau *Mixed Martial Arts* (MMA).

#### Mampu tumbangkan lelaki

Tendangan dan tumbukan Nurul Ain atau lebih dikenali sebagai Ann 'Athena' Osman, mampu menumbangkan lelaki dewasa!

Pencapaiannya dalam sukan itu hebat. Beliau satu-satunya wanita Malaysia yang pernah menyertai pertandingan MMA terbesar Asia, One Fighting Championship (One FC), pada Oktober tahun lalu.

Ann mula meminati seni mempertahankan diri MMA sejak tiga tahun lalu ketika mengikuti kelas Muay Thai, di

sebuah gimnasium di Kota Kinabalu, Sabah.

"Pada mulanya saya mengikuti kelas Muay Thai untuk tujuan kecergasan dan kesihatan, selain ingin mempelajari seni mempertahankan diri. Selepas beberapa kali menghadiri kelas, saya mula jatuh cinta dengan Muay Thai dan terus berlatih dengan gigih.

"Melihat kegigihan dan potensi yang ada pada diri saya, pemilik gimnasium yang juga jurulatih Muay Thai, Jumat Lias Mansor atau dikenali sebagai AJ 'Pyro', mencadangkan supaya saya menyertai sukan MMA dengan lebih serius," katanya ketika ditemui *FAMILI*, baru-baru ini.

#### Dapat liputan Fox Sports

Wanita berketurunan Melayu-Dusun kelahiran Kota Kinabalu itu mengakui minatnya dalam seni mempertahankan diri semakin kuat, apatah lagi selepas mengikuti MMA.

Sejak itu, anak kedua daripada lima beradik itu tidak menoleh ke belakang apabila menyertai pelbagai pertandingan Muay Thai dan MMA peringkat kebangsaan di seluruh negara, selain turut bertanding kejohanan antarabangsa.



## Tumpu kerjaya, tak fikir soal jodoh

**"Tidak** dinafikan ada lelaki takut untuk mendekati saya. Tetapi itu bukanlah masalah besar, bagi saya, jodoh di tangan Tuhan," kata Ann.

Walaupun kelihatan garang di gelanggang, Ann berkata, beliau juga wanita biasa yang mempunyai keinginan untuk berumah tangga dan memiliki keluarga yang harmoni, namun kesibukan jadual yang padat membuatkan beliau belum sempat memikirkannya.

Di sebalik 'kegagahan' di gelanggang dan dianggap wanita 'perkasa', Ann mengakui dirinya mempunyai kelembutan seperti wanita lain.

**"**Saya juga ingin disayangi dan dicintai, namun sekarang ini saya masih sibuk membina kerjaya kerana peluang yang ada mungkin tidak datang dua kali"

### Kelembutan wanita tak hilang

"Memang ramai lelaki suka wanita yang mempunyai perwatakan lembut dan menyerlahkan kewanitaannya, tetapi ada juga lelaki yang suka wanita berperwatakan kasar dan berdikari," katanya yang mengaku pernah bercinta.

Ingin meletakkan dirinya sebaris nama besar dalam sukan negara seperti Datuk Nicol Ann David dan Pandelega Rinong, Ann berpendapat setiap individu mempunyai cita rasa tersendiri dalam menentukan ciri-ciri pasangan hidup masing-masing.

**Nurul Ain Osman,**  
Jaguh MMA

berkata, buat masa ini dirinya masih menumpukan sepenuh perhatian dalam kerjaya diceburinya.

"Saya juga ingin disayangi dan dicintai, namun sekarang ini saya masih sibuk membina kerjaya kerana peluang yang ada mungkin tidak datang dua kali," kata anak pasangan Osman Daud dan Florence Tom Imbayan itu.

Katanya, ibu bapanya turut melahirkan rasa bimbang mereka melihat gaya hidupnya yang sentiasa sibuk dan lasak.

"Sebagai ibu dan bapa, sudah pasti mereka risau mengenai lelaki yang akan menemani hidup saya, tapi mereka tidak mendesak menamatkan zaman bujang dalam masa terdekat kerana memahami impian saya dalam kerjaya.

"Permulaan kerjaya saya dulu, mereka risau dengan keselamatan saya sebagai seorang peninju wanita. Selepas melihat pencapaian saya, barulah memberi kepercayaan sepenuhnya dan memberi dorongan yang kuat," katanya.

# Idam ke persada antarabangsa

○ Dari muka 6

Kisah mengenai Ann pernah disiarkan dalam portal sukan antarabangsa, *Fox Sports*, baru-baru ini, susulan pembabitannya dalam One FC, apatah lagi wajahnya yang jelita pasti menarik perhatian lensa setiap kali menyertai pertandingan.

Bekerja sebagai pengurus pembangunan perniagaan di sebuah syarikat hartanah tempatan di Sabah, tidak menghalang minatnya untuk terus aktif dalam bidang sukan ekstrem yang sering dikaitkan dengan dunia lelaki itu.

"Selain seni mempertahankan diri, saya meminati aktiviti luar dan sukan lasak seperti kayak, berbasikal dan hiking. Ketika di bangku sekolah, saya bermain bola keranjang dan bola jaring, ketika itu tidak pernah terlintas untuk menjadi atlet seni mempertahankan diri," katanya.

Walaupun mempunyai jadual yang padat, Ann berkata, beliau akan membahagikan masa sebaik mungkin antara kerjaya, seni mempertahankan diri, membantu jurulatih mahupun keluarga.

"Saya menjalani kehidupan seperti orang lain. Bekerja dari pagi hingga petang. Balik dari pejabat, saya terus ke gimnasium untuk menjalani latihan dan diakhiri dengan sesi latihan bersama AJ.

"Saya percaya pengurusan masa yang betul adalah kunci kejayaan," katanya.

**Bukan sukan lelaki sahaja**  
Menyangkal persepsi masyarakat bahawa sukan MMA hanya untuk golongan Adam, Ann berkata, kebolehan wanita pada zaman ini tidak harus

dipandang rendah, termasuk keupayaan dalam bidang sukan yang biasanya diceburi lelaki.

"Saya percaya wanita kini mampu melakukan semua perkara yang dahulunya hanya dilakukan oleh lelaki. Sudah tiba masanya wanita bangkit bagi menunjukkan kebolehan masing-masing," katanya.

Mengenai impiannya, Ann berkata, beliau mahu mencipta pelbagai kejayaan dalam pertandingan di peringkat antarabangsa, sekali gus mengharumkan nama negara.

"Sebagai rakyat Malaysia, peluang mewakili negara pada One FC adalah satu penghormatan besar. Tentunya saya ingin mencipta nama dan dikenali di pentas antarabangsa," katanya yang menjadikan bekas juara World Pro Fighting, Gina Carano sebagai idola.

Ann juga mengakui kecewa tidak dapat menguji kebolehannya dalam pertandingan One FC di Stadium Negara, bulan lalu apabila lawannya, Sherilyn Lim dari Singapura dibatalkan penyertaan kerana melebihi berat badan bagi kategori 52 kilogram.

"Saya menjalani latihan intensif dan bekerja keras sebagai persiapan menghadapi pertandingan itu," katanya.

Mengakui masih baru dalam sukan itu, beliau berharap akan

tersenarai dalam ranking MMA profesional wanita tidak lama lagi.

"Bagi saya, menyertai One FC buat kali pertama, pada Oktober lalu adalah pengalaman luar biasa, apa lagi berjuang di stadium yang penuh dengan peminat MMA, sukar untuk digambarkan perasaan ketika itu," katanya.

### PROFIL

#### Ann 'Athena' Osman

- Nama: Nur Ain Osman
- Umur: 28 Tahun
- Asal: Kota Kinabalu
- Taraf pendidikan: Diploma Sains Komputer, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Pencapaian: Menyertai pertandingan MMA terbesar Asia, One Fighting Championship di Singapura.

